

# Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Dalam / Desa Putra (1964)

## Dirujuk oleh

- [Rancangan Kemajuan Tanah \(RKT\) Sungai Merab Dalam \(1961\)](#)

## Latar Pembukaan

### 1962-12-26: Perancangan Pembinaan Sekolah

*"Menteri Besar Selangor Dato' Abu Bakar Baginda telah memuji penduduk2 Kampong Sungai Merab Kajang kerana bersatu hati dan selalu bergotong royong memajukan Rancangan Kemajuan Luar Bandar daerah ini. Pujian ini telah di-buat oleh beliau ketika beruchap di-hadapan sa-ramai 700 orang ra'ayat di-dalam satu upacara merasmikan sa-buah balai raya yang menelan perbelanjaan sa-banyak \$5,000 di-kampong Rancangan Kemajuan Tanah Sungai Merab pada hari Ithnin yang lalu. Dato' Abu Bakar juga telah mengingatkan penduduk2 yang mendapat tanah di-dalam Rancangan Kemajuan Luar Bandar di-situ supaya bersungguh memajukan tanah mereka dan dengan berusaha menjayakan tanah itu, penghidupan orang2 yang mendapat tanah baharu itu akan terjamin pada masa yang akan datang. Dato' Abu Bakar telah berjanji kepada penduduk2 kampong di-situ akan membena sa-buah sekolah di-kawasan kampong Rancangan Kemajuan Tanah itu pada tahun 1963. Dengan ada-nya sa-buah sekolah di-bena di-sini dapat-lah sa-ramai 80 orang kanak2 di-kampong ini melanjutkan pelajaran-nya pada tahun hadapan. Sa-lain itu daripada sekolah itu Dato' Abu Bakar juga akan membena sa-buah masjid untok di-gunakan oleh sa-ramai 85 keluarga petani2 di situ."* (Berita Harian, 26 December 1962, Page 9:

|  
"PUJI DAN JANJI MB KAPADA PENDUDOK").

### 1963-10-24: Pembinaan Sekolah

*"Kerajaan telah mendirikan dua buah sekolah kebangsaan dalam bidang rancangan PLB bagi daerah Ulu Langat dan Kajang. Sekolah2 itu ia-lah di Sungai Tekali dan di-kampong Sungai Merab. Sekolah2 itu akan di-buka mu-..."* (Berita Harian, 24 October 1963, Page 5:

|  
"Dua sekolah PLB di-bena").

## Pembukaan

### 1964-08-01: Pembukaan SK Sungai Merab Dalam

*"The Mentri Besar of Selangor, Inche Harun bin Haji Idris, will open a national type school at Sungei*

*Merab here on Wednesday. The school is being built under the Sungei Merab Land Development Scheme.” (The Straits Times, 28 July 1964, Page 6:*

|  
"Mentri to open new school").

*“Menteri Besar Selangor Inche' Harun bin Haji Idris telah menyeru semua orang2 Melayu supaya mengajar bangsa bukan Melayu berchakap bahasa kebangsaan dengan sa-chara sukarela demi untuk meninggikan taraf bahasa kebangsaan yang akan menjadi bahasa rasmi pada tahun 1967 ini. Seruan ini di-buat oleh beliau ketika beruchap di-masa merasmikan Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada hari Sabtu yang lalu.” (Berita Harian, 7 August 1964, Page 6:*

|  
"AJAR-LAH BAHASA KEBANGSAAN DGN SUKARELA—MB").

### **1964-11-11: AJK SK Sungai Merab Dalam**



*“Gambar menunjukkan Ahli jawatankuasa Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Dalam bergambar ramai bersama2 dengan guru2 sekolah ini kerana merai'kan Pengerusi Lembaga Pengurus dan Penyelia Pembangunan Ranchangan Luar Bandar, Inche' Norizan bin Ahmad bertukar ka-Kuang, Selangor. Dudok nombor tiga dari kiri ia-lah Inche' Norizan dan dudok nombor dua Che'gu Mohd Soom bin Omar guru besar sekolah tersebut.” (Berita Harian, 11 November 1964, Page 6:*

|  
"MERA'IKAN PENYELIA KA-KUANG").

## **Kronologi Seterusnya**

### **1966-07-23: Sukan Sekolah Sungai Merab Dalam**

*"Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Dalam akan mengadakan hari sukannya pada hari Sabtu 23 Julai ini. Guru Besar sekolah ini Che'gy Mohd Soom bin Omar memberi tahu Berita Harian semenjak sekolah ini di-bena pada tiga tahun lalu ini-lah pertama kali-nya mengadakan perayaan sukan. Ahli Dewan Negeri Kawasan Dingkil, Raja Nong Chik bin Raja Ishak, akan menyampaikan hadiah2 kepada murid2 yang berjaya."* (Berita Harian, 6 July 1966, Page 9:

|

"Sukan sekolah Sungai Merab").

*"Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Dalam akan mengadakan hari sukan pada hari Sabtu 23 July ini. Guru Besar Sekolah ini Che'gu Mohd Soom bin Omar memberitahu Berita Harian ini-lah pertama kali-nya sekolah ini mengadakan sukan semenjak di-bena tiga tahun lalu. Orang ramai di-mukum Sungai Merab, Bangi, dan Ayer Itam di-minta datang beramai2 untok menyaksikan sukan ini. Hadiah kepada yuang menang akan di-sampaikan oleh Raja Nong Chik bin Raja Ishak Ahli Dewan Negeri Kawasan Dingkil."* (Berita Harian, 20 July 1966, Page 9:

|

"PERTAMA KALI ADAKAN SUKAN").

From:

<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

[https://bangi.pulasan.my/sk\\_sgmerab\\_dalam?rev=1758035386](https://bangi.pulasan.my/sk_sgmerab_dalam?rev=1758035386)

Last update: **2025/09/16 23:09**

